



KENANGAN... Dr. D Kamarudin (depan sembilan dari kanan) bergambar bersama dekan-dekan, pengarah dan ketua JFPIB UMS sambil mengibarkan Jalur Gemilang dan Bendera Sabah sebagai simbolik terhadap sambutan Bulan Kebangsaan peringkat UMS.



SECAWAN KOPI... Dr D Kamarudin bersama kakitangan UMS.

Sembang Santai Teh Tarik medan ramah mesra Naib Canselor UMS dan kakitangan

NSR 3.8.2019

KOTA KINABALU: Program Sembang Santai Teh Tarik Bersama Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menjadi medan ramah mesra dan perkongsian idea secara santai dalam kalangan Pegawai-pegawai Kanan UMS pada Rabu.

Dianjurkan oleh Pejabat Canselori UMS, program tersebut dihadiri 40 kakitangan universiti yang terdiri daripada dekan-dekan, pengarah dan ketua Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian (JFPIB) UMS.

Pada majlis tersebut, Datuk Dr. D Kamarudin menyeru agar semua ketua jabatan untuk terus memperkasakan JFPIB masing-masing dalam memas-

tikan UMS terus melangkah maju mencapai hala tuju sesuai dengan misi universiti yang telah digariskan.

"Marilah kita terus bekerja dalam satu pasukan dan sentiasa mengamalkan budaya kerja yang baik seiring dengan agenda pendidikan negara.

"Saya sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan atau pendapat yang boleh menyumbang kepada kemajuan universiti ini," katanya di Galeri Majlis, Bangunan Canselori.

Datuk Dr. D Kamarudin turut berpesan agar setiap JFPIB bersedia dengan perancangan masing-masing bagi menyemarakkan lagi sambutan Jubli Perak UMS pada tahun 2019.

"Marilah kita tampil

bersama-sama meraikan sambutan ulang tahun yang ke-25 universiti ini dengan pengisian yang menarik dan bermanfaat," jelasnya.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan Jalur Gemilang dan bendera Sabah kepada semua wakil JFPIB yang hadir.

Penyerahan bendera itu yang diinisiatifkan Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PP-SKK) UMS merupakan simbolik terhadap sambutan Bulan Kebangsaan peringkat universiti tersebut.

Hadir sama, Penolong Naib Canselor merangkap Pengarah PPSKK, Prof. Dr. Marcus Jopony dan Ketua Pejabat Canselori, Stella @ Nurul Martini Gontol.



BERUCAP... Dr D Kamarudin ketika menyampaikan ucapan di majlis itu.